



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI PERUNTUKAN  
BANTUAN KHAS IBU TUNGGAL (BKIT)  
DI BAWAH PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

<b>S1</b>	<b>Apakah definisi Ibu Tunggal?</b>
	<p>Berdasarkan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal (2015-2020), KPWKMM mengambil kira ibu tunggal berdasarkan definisi berikut:</p> <p>Perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>○ taraf perkahwinan balu atau bercerai / berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama;</li><li>○ mempunyai suami (suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; atau</li><li>○ tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf).</li></ul>
<b>S2</b>	<b>Apakah BKIT?</b>
	<p>Satu bantuan yang disediakan oleh Kerajaan yang akan diberikan secara <i>one-off</i> kepada ibu tunggal yang layak.</p> <p>Bantuan ini adalah berdasarkan pangkalan data Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Ibu tunggal yang bukan penerima bantuan JKM boleh mengemukakan permohonan selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2020 melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>○ Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN)/JKM Negeri/PKMD; atau</li><li>○ Pejabat Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah/Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (bagi pemohon di Sabah); atau</li><li>○ Pejabat JKM Sarawak/Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (bagi pemohon di Sarawak); atau</li><li>○ Portal rasmi <a href="https://www.jpw.gov.my/">https://www.jpw.gov.my/</a>.</li></ul>

<b>S3</b>	<b>Siapakah yang layak menerima BKIT?</b>
	<p>Kategori yang layak menerima <b>BKIT</b> adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Penerima merupakan warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia;</li> <li>○ Wanita yang menjadi Ketua Isi Rumah seperti tafsiran di S1; dan</li> <li>○ Pendapatan Isi Rumah adalah di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK semasa) RM960.00 atau perkapita RM244.00.</li> </ul>
<b>S4</b>	<b>Berapakah bayaran BKIT yang akan diterima?</b>
	Bayaran sebanyak RM300.00 secara <i>one-off</i> akan dikreditkan ke dalam akaun penerima yang layak.
<b>S5</b>	<b>Bilakah tarikh pembayaran BKIT akan dibuat?</b>
	Bayaran adalah mulai Julai sehingga November 2020.
<b>S6</b>	<b>Bagaimanakah kaedah bayaran BKIT ini dilaksanakan?</b>
	Pembayaran akan dikreditkan ke akaun bank pemohon yang layak. Akaun bank mestilah aktif.
<b>S7</b>	<b>Bagaimana semakan status penerimaan BKIT boleh dibuat?</b>
	Status kelulusan akan dimaklumkan melalui sistem pesanan ringkas ( <i>sms</i> ).
<b>S8</b>	<b>Adakah permohonan rayuan boleh dibuat sekiranya tidak lulus sebagai penerima BKIT?</b>
	Tempoh permohonan rayuan BKIT akan dimaklumkan melalui portal rasmi JPW.
<b>S9</b>	<b>Apakah dokumen yang diperlukan semasa membuat permohonan baharu atau rayuan BKIT?</b>

Sila kemukakan permohonan bersama-sama dengan dokumen seperti berikut:

### Senarai Dokumen

#### Dokumen Mandatori yang telah disahkan:

- i. Salinan MyKad;
- ii. Salinan Penyata Akaun tahun semasa;
- iii. Salinan Sijil Kahwin / Sijil Cerai / Sijil Kematian;
- iv. Salinan Sijil Kelahiran Anak yang Belum Berkahwin / MyKid / MyKad/ Sijil Pengangkatan daripada JPN / ; dan
- v. Salinan Slip gaji terkini / Pengesahan Pendapatan (Contoh: Surat Pengesahan daripada Majikan/Penghulu);

#### Dokumen Sokongan:

- i. Surat Akuan Doktor (jika berkenaan); dan
- ii. Surat Akuan Sumpah (sekiranya masih dalam proses penceraian).

**S10**

**Adakah permohonan boleh dibuat secara manual (borang permohonan) sekiranya pemohon tidak mempunyai kemudahan internet?**

Ya. Permohonan boleh dikemukakan di -

- Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN)/JKM Negeri/PKMD; atau
- Pejabat Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah/Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (bagi pemohon di Sabah); atau
- Pejabat JKM Sarawak/Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (bagi pemohon di Sarawak)